



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 878

**AKTA BANTUAN GUAMAN DAN PEMBELAAN
AWAM 2026**

Tarikh Perkenan Diraja	3 Februari 2026
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	13 Februari 2026

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 878

AKTA BANTUAN GUAMAN DAN PEMBELAAN AWAM 2026

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PENTADBIRAN

Bab 1

Pelantikan

3. Pelantikan Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah dan pegawai lain
4. Pelantikan Ketua Pembela Awam dan pegawai pembela awam
5. Arahan Ketua Pengarah
6. Pengawasan keseluruhan oleh Menteri

Bab 2

Panel peguam

7. Panel peguam bagi bantuan guaman
8. Panel peguam bagi khidmat pembelaan awam
9. Bayaran bagi peguam yang ditugaskan
10. Pemotongan nama peguam daripada panel peguam

Seksyen

11. Jawatankuasa disiplin untuk peguam
12. Bantuan guaman atau khidmat pembelaan awam tidak boleh ditamatkan tanpa kebenaran

Bab 3

Fi bagi khidmat bantuan guaman dan khidmat pembelaan awam

13. Fi bagi khidmat bantuan guaman dan khidmat pembelaan awam

Bab 4

Akaun amanah

14. Akaun amanah

BAHAGIAN III

KHIDMAT BANTUAN GUAMAN

Bab 1

Khidmat bantuan guaman

15. Khidmat bantuan guaman

Bab 2

Nasihat guaman

16. Ruang lingkup khidmat nasihat guaman
17. Permohonan bagi khidmat nasihat guaman
18. Kaedah pemberian nasihat guaman
19. Sumbangan bagi khidmat nasihat guaman

Bab 3

Bantuan guaman dalam prosiding sivil dan syariah

20. Ruang lingkup bantuan guaman dalam prosiding sivil dan syariah
21. Permohonan bagi bantuan guaman dalam prosiding sivil dan syariah

Seksyen

22. Kuasa Ketua Pengarah untuk menyiasat
23. Pengeluaran perakuan bantuan guaman dalam prosiding sivil dan syariah
24. Perakuan bantuan guaman bagi semua kausa tindakan dalam prosiding syariah
25. Kuasa tambahan untuk mengeluarkan perakuan bantuan guaman dalam prosiding sivil dan syariah
26. Pengeluaran perakuan bantuan guaman selepas mendapat kebenaran Menteri dalam prosiding sivil dan syariah
27. Sumbangan daripada orang yang dibantu selepas mendapat perakuan bantuan guaman bagi prosiding sivil dan syariah
28. Merekodkan dan memfailkan perakuan bantuan guaman dalam prosiding sivil dan syariah
29. Pembatalan perakuan dalam prosiding sivil dan syariah
30. Pendahuluan bagi perbelanjaan luar jangka dalam prosiding sivil dan syariah
31. Kos
32. Penangguhan prosiding apabila permohonan bantuan guaman dibuat
33. Rayuan orang yang dibantu terhadap keputusan mahkamah
34. Rayuan terhadap keputusan mahkamah oleh orang selain orang yang dibantu
35. Permohonan baharu bagi bantuan guaman di peringkat rayuan

Bab 4

Khidmat pendamping guaman

36. Ruang lingkup khidmat pendamping guaman
37. Tujuan khidmat pendamping guaman
38. Permohonan bagi khidmat pendamping guaman
39. Pengeluaran perakuan bantuan guaman bagi khidmat pendamping guaman
40. Sumbangan daripada orang yang dibantu selepas mendapat perakuan bantuan guaman bagi khidmat pendamping guaman
41. Merekodkan dan memfailkan perakuan bantuan guaman bagi khidmat pendamping guaman
42. Pembatalan perakuan bantuan guaman bagi khidmat pendamping guaman

Bab 5

Pengantaraan

Seksyen

43. Ruang lingkup khidmat pengantaraan
44. Permohonan bagi khidmat pengantaraan
45. Rujukan kepada pengantaraan oleh Ketua Pengarah
46. Pengantara
47. Kaedah mengendalikan pengantaraan
48. Pengantaraan adalah sukarela
49. Komunikasi sulit dengan pengantara
50. Penyelesaian atau persetujuan hendaklah diubah ke dalam bentuk bertulis
51. Pengantaraan melalui teknologi komunikasi jarak jauh

BAHAGIAN IV

KHIDMAT PEMBELAAN AWAM

52. Ruang lingkup khidmat pembelaan awam
53. Permohonan bagi khidmat pembelaan awam
54. Pengeluaran perakuan pembelaan awam
55. Pengeluaran perakuan pembelaan awam selepas mendapat kebenaran Menteri
56. Batas khidmat pembelaan awam
57. Merekodkan dan memfailkan perakuan pembelaan awam
58. Pembatalan perakuan pembelaan awam
59. Pendahuluan bagi perbelanjaan luar jangka dalam prosiding jenayah
60. Rayuan oleh tertuduh yang dibantu terhadap keputusan mahkamah
61. Rayuan terhadap keputusan mahkamah oleh Pendakwa Raya

BAHAGIAN V

AM

62. Penggunaan perkhidmatan elektronik
63. Pernyataan palsu atau mengelirukan, dsb.

Seksyen

64. Perintah mahkamah bagi kos terhadap orang yang dibantu atau tertuduh yang dibantu
65. Komunikasi terlindung
66. Kewajipan untuk mengelak percanggahan kepentingan
67. Keputusan muktamad
68. Pekhidmat awam
69. Pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948
70. Perlindungan terhadap guaman dan prosiding undang-undang
71. Kuasa untuk menggantung
72. Kuasa untuk meminda Jadual
73. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

BAHAGIAN VI

PEMANSUHAN, KECUALIAN DAN PERALIHAN

74. Pemansuhan
75. Orang yang memegang jawatan, dsb.
76. Pemindahan kuasa, hak, kewajipan, dsb.
77. Pemindahan wang dalam akaun amanah
78. Sumbangan, dsb.
79. Permohonan untuk bantuan guaman
80. Penerusan bantuan guaman
81. Penerusan perakuan bantuan guaman
82. Penerusan panel peguam
83. Penerusan keputusan, dsb.

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT

JADUAL KELIMA

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 878

AKTA BANTUAN GUAMAN DAN PEMBELAAN AWAM 2026

Suatu Akta untuk memperkukuhkan khidmat bantuan guaman di Malaysia dengan mengadakan peruntukan bagi pemberian bantuan guaman dan khidmat pembelaan awam kepada orang tertentu, mengadakan peruntukan bagi pelantikan Ketua Pengarah Bantuan Guaman dan pegawai yang lain berhubung dengan penyediaan khidmat bantuan guaman kepada orang yang dibantu, dan pelantikan Ketua Pembela Awam dan pegawai pembela awam berhubung dengan penyediaan khidmat pembelaan awam kepada tertuduh yang dibantu dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubungan dengannya.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Bantuan Guaman dan Pembelaan Awam 2026.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa bahagian atau peruntukan yang berlainan Akta ini.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“akaun amanah” ertinya akaun amanah yang disebut dalam seksyen 14;

“bantuan guaman” ertinya khidmat bantuan guaman sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen 15;

“hakim” ertinya—

(a) hakim bagi mahkamah yang ditubuhkan oleh Bahagian IX Perlembagaan Persekutuan dan termasuklah Hakim Mahkamah Sesyen atau Majistret; atau

(b) hakim Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah atau Mahkamah Utama Syariah;

“kanak-kanak” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Kanak-Kanak 2001 [*Akta 611*];

“Ketua Pembela Awam” ertinya Ketua Pembela Awam yang dilantik di bawah subseksyen 4(1);

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Bantuan Guaman yang dilantik di bawah subseksyen 3(1);

“khidmat pembelaan awam” ertinya khidmat pembelaan awam menurut Bahagian IV;

“kos kepeguaman” ertinya kos yang berhak diterima oleh Ketua Pengarah daripada orang yang dibantu atau tertuduh yang dibantu bagi apa-apa tindakan guaman yang perlu diambil dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan bagi menjalankan apa-apa perkara kepeguaman yang timbul dalam apa-apa prosiding yang dikendalikan dalam mana-mana mahkamah;

“mahkamah” ertinya—

- (a) mahkamah yang ditubuhkan di bawah Bahagian IX Perlembagaan Persekutuan; dan
- (b) Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah atau Mahkamah Utama Syariah;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi hal ehwal undang-undang dan bantuan guaman;

“orang yang dibantu” ertinya—

- (a) seseorang yang telah diberikan suatu perakuan bantuan guaman di bawah Bab 3 atau 4 Bahagian III; atau
- (b) seseorang yang telah diberikan khidmat bantuan guaman di bawah Bab 2 atau 5 Bahagian III;

“panel peguam” ertinya panel peguam di bawah seksyen 7 atau 8;

“pegawai pembela awam” ertinya seseorang pegawai pembela awam yang dilantik di bawah subseksyen 4(1);

“pegawai yang dilantik” ertinya seseorang pegawai yang dilantik di bawah subseksyen 3(1);

“peguam” ertinya—

- (a) bagi maksud mahkamah sivil dan jenayah, seseorang peguam bela dan peguam cara Mahkamah Tinggi yang diterima masuk sebagai peguam dan didaftarkan di bawah Akta Profesion Undang-Undang 1976 [*Akta 166*] atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berkenaan; dan
- (b) bagi maksud mahkamah syariah, seseorang Peguam Syarie yang diterima masuk sebagai Peguam Syarie di Mahkamah Tinggi Syariah di Wilayah-Wilayah Persekutuan atau mana-mana Negeri yang berkenaan, dan berdaftar di bawah Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019 [*Akta 814*] atau mana-mana enakmen Negeri yang berkenaan berhubung dengan profesion guaman syarie;

“peguam yang ditugaskan” ertinya seseorang peguam daripada panel peguam yang ditugaskan untuk bertindak bagi pihak Ketua Pengarah atau Ketua Pembela Awam;

“pengantara” ertinya mana-mana orang yang dilantik di bawah seksyen 46;

“penjaga” berhubung dengan seseorang kanak-kanak, hendaklah termasuk mana-mana orang yang difikirkan sesuai oleh Ketua Pengarah untuk dilantik sebagai wakil litigasi, sahabat wakil atau penjaga *ad litem* kanak-kanak itu bagi maksud tindakan dan prosiding guaman yang dikendalikan oleh Ketua Pengarah bagi faedah kanak-kanak itu;

“perkhidmatan elektronik” ertinya perkhidmatan elektronik yang disediakan oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 62;

“teknologi komunikasi jarak jauh” ertinya suatu rangkaian video secara langsung, rangkaian televisyen secara langsung atau apa-apa cara komunikasi elektronik yang lain;

“tertuduh yang dibantu” ertinya seseorang yang telah diberikan perakuan pembelaan awam di bawah Bahagian IV;

“Timbalan Ketua Pengarah” ertinya Timbalan Ketua Pengarah Bantuan Guaman yang dilantik di bawah subseksyen 3(1).

BAHAGIAN II

PENTADBIRAN

Bab 1

Pelantikan

Pelantikan Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah dan pegawai lain

3. (1) Menteri boleh melantik mana-mana orang sebagai Ketua Pengarah, dan apa-apa bilangan Timbalan Ketua Pengarah dan mana-mana pegawai lain sebagaimana yang difikirkan perlu atau suai manfaat bagi maksud Akta ini dan yang hendaklah diberikan apa-apa nama jawatan sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

(2) Seseorang yang dilantik sebagai Ketua Pengarah di bawah subseksyen (1) hendaklah mempunyai kelayakan akademik dalam bidang undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan dan hendaklah mempunyai kemahiran praktikal, pengetahuan dan pengalaman dalam kepeguaman dan litigasi.

(3) Ketua Pengarah hendaklah menumpukan sepenuh masa profesionalnya sebagai Ketua Pengarah dan semasa memegang jawatan itu tidak boleh memegang apa-apa jawatan atau pekerjaan lain sama ada dengan saraan atau tidak.

(4) Ketua Pengarah hendaklah mempunyai pengawasan dan arahan am bagi segala perkara yang berhubungan dengan bantuan guaman dan khidmat pembelaan awam di seluruh Malaysia.

(5) Walau apa pun peruntukan undang-undang bertulis yang berlawanan, Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah dan tiap-tiap pegawai yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah berhak, bagi maksud Akta ini, untuk hadir dan berhujah dalam semua mahkamah di Malaysia.

(6) Bagi maksud Akta ini, tiap-tiap pegawai yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah—

(a) tertakluk kepada pengawasan dan arahan am Ketua Pengarah; dan

(b) mempunyai dan melaksanakan segala kuasa yang diberikan kepada Ketua Pengarah di bawah Akta ini selain kuasa yang diberikan kepada Ketua Pengarah secara khusus berhubung dengan—

(i) penugasan panel peguam bagi prosiding sivil dan syaria; dan

(ii) pemfailan dan pengendalian rayuan di bawah seksyen 33, 34 dan 35.

(7) Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang dilantik di bawah subseksyen (1) yang bukan anggota perkhidmatan awam, hendaklah menerima saraan sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri selepas berunding dengan Menteri Kewangan.

(8) Jika Ketua Pengarah, atas apa-apa sebab, tidak dapat menjalankan kewajipannya bagi apa-apa tempoh atau jika jawatan Ketua Pengarah menjadi kosong, Timbalan Ketua Pengarah yang paling kanan boleh menjalankan segala kuasa dan melaksanakan segala kewajipan Ketua Pengarah.

Pelantikan Ketua Pembela Awam dan pegawai pembela awam

4. (1) Menteri boleh melantik mana-mana orang sebagai Ketua Pembela Awam dan apa-apa bilangan pegawai pembela awam bagi maksud khidmat pembelaan awam di bawah Bahagian IV.

(2) Semua orang yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah mempunyai kelayakan akademik dalam bidang undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), seseorang yang dilantik sebagai Ketua Pembela Awam di bawah subseksyen (1) hendaklah mempunyai kemahiran praktikal, pengetahuan dan pengalaman dalam kepeguaman dan litigasi.

(4) Ketua Pembela Awam hendaklah menumpukan sepenuh masa profesionalnya sebagai Ketua Pembela Awam dan semasa memegang jawatan itu tidak boleh memegang apa-apa jawatan atau pekerjaan lain sama ada dengan saraan atau tidak.

(5) Ketua Pembela Awam dan pegawai pembela awam hendaklah tertakluk kepada pengawasan dan arahan am Ketua Pengarah.

(6) Ketua Pembela Awam dan mana-mana pegawai pembela awam hendaklah berhak, bagi maksud Akta ini, untuk hadir dan berhujah dalam semua prosiding jenayah di Malaysia bagi tertuduh yang dibantu.

(7) Bagi maksud Akta ini, pegawai pembela awam hendaklah mempunyai dan melaksanakan segala kuasa yang diberikan kepada Ketua Pembela Awam di bawah Akta ini selain kuasa yang diberikan kepada Ketua Pembela Awam secara khusus berhubung dengan—

(a) penugasan panel peguam untuk prosiding jenayah; dan

(b) pemfailan dan pengendalian rayuan di bawah seksyen 60.

(8) Walau apa pun perenggan (7)(a), Ketua Pembela Awam boleh mewakili kuasanya untuk menugaskan panel peguam dalam prosiding jenayah kepada pegawai yang dilantik di bawah subseksyen 3(1).

(9) Tiap-tiap pegawai yang dilantik di bawah subseksyen (1) yang bukan anggota perkhidmatan awam, hendaklah menerima saraan sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri selepas berunding dengan Menteri Kewangan.

Arahan Ketua Pengarah

5. (1) Ketua Pengarah boleh mengeluarkan apa-apa arahan sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Ketua Pengarah bagi maksud memastikan pematuhan Akta ini.

(2) Ketua Pengarah boleh membatalkan, mengubah, menyemak atau meminda keseluruhan atau mana-mana bahagian apa-apa arahan yang dikeluarkan di bawah seksyen ini.

Pengawasan keseluruhan oleh Menteri

6. (1) Ketua Pengarah hendaklah bertanggungjawab kepada Menteri.

(2) Menteri boleh mengeluarkan apa-apa arahan kepada Ketua Pengarah yang tidak berlawanan dengan peruntukan Akta ini dan Ketua Pengarah hendaklah melaksanakan semua arahan itu.

Bab 2

Panel peguam

Panel peguam bagi bantuan guaman

7. (1) Ketua Pengarah hendaklah menyediakan dan menyenggarakan panel peguam bagi bantuan guaman yang hendaklah—

(a) menyiasat apa-apa permohonan bagi bantuan guaman dan membuat laporan yang berhubungan dengan siasatan itu;

- (b) memberikan pendapat mengenai permohonan bagi bantuan guaman itu;
- (c) bertindak bagi pihak orang yang dibantu; dan
- (d) memberikan nasihat guaman di bawah peruntukan Akta ini.

(2) Ketua Pengarah boleh menyediakan panel peguam yang berasingan bagi maksud yang berlainan dan bagi mahkamah yang berlainan.

(3) Mana-mana peguam boleh, tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditentukan oleh Ketua Pengarah, memohon kepada Ketua Pengarah untuk namanya didaftarkan dalam mana-mana panel peguam bagi bantuan guaman.

(4) Mana-mana peguam yang ditugaskan untuk mewakili orang yang dibantu boleh hadir dan berhujah dalam semua mahkamah bagi pihak Ketua Pengarah mengikut kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan mahkamah sivil atau syariah, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Panel peguam bagi khidmat pembelaan awam

8. (1) Ketua Pembela Awam hendaklah menyediakan dan menyenggarakan panel peguam bagi khidmat pembelaan awam yang hendaklah—

- (a) menyiasat apa-apa permohonan bagi khidmat pembelaan awam dan membuat laporan yang berhubungan dengan siasatan itu;
- (b) memberikan pendapat mengenai permohonan bagi khidmat pembelaan awam dan mengenai apa-apa persoalan undang-undang yang timbul dalam prosiding yang melibatkan pemohon; dan
- (c) bertindak bagi pihak tertuduh yang dibantu.

(2) Ketua Pembela Awam boleh menyediakan panel peguam yang berasingan bagi maksud yang berlainan dan bagi mahkamah yang berlainan.

(3) Mana-mana peguam boleh, tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditentukan oleh Ketua Pembela Awam, memohon kepada Ketua Pembela Awam untuk namanya didaftarkan dalam mana-mana panel peguam bagi khidmat pembelaan awam.

(4) Mana-mana peguam yang ditugaskan untuk mewakili tertuduh yang dibantu boleh hadir dan berhujah dalam semua mahkamah bagi pihak Ketua Pembela Awam menurut tatacara bagi prosiding jenayah.

Bayaran bagi peguam yang ditugaskan

9. Seseorang peguam yang ditugaskan adalah berhak bagi pembayaran untuk apa-apa bantuan guaman atau khidmat pembelaan awam yang diberikan olehnya di bawah Akta ini, bagi apa-apa amaun yang ditetapkan oleh Menteri.

Pemotongan nama peguam daripada panel peguam

10. Ketua Pengarah atau Ketua Pembela Awam boleh memotong nama seseorang peguam daripada mana-mana panel peguam bagi bantuan guaman atau panel peguam bagi khidmat pembelaan awam, mengikut mana-mana yang berkenaan, jika—

- (a) sijil amalan peguam itu tidak lagi sah atas apa-apa sebab;
- (b) peguam itu telah meminta Ketua Pengarah atau Ketua Pembela Awam untuk memotong namanya daripada panel;
- (c) peguam itu telah berkelakuan tidak profesional semasa bertindak bagi orang yang dibantu atau tertuduh yang dibantu, yang menyebabkan peguam itu tidak sesuai untuk dikekalkan dalam panel itu;
- (d) pada pendapat Ketua Pengarah atau Ketua Pembela Awam—
 - (i) peguam itu tidak sesuai untuk berada, atau untuk kekal, dalam mana-mana panel atas apa-apa sebab yang boleh menjejaskan kepentingan keadilan; atau
 - (ii) adalah perlu atau suai manfaat untuk berbuat demikian atas isu integriti peguam itu; dan

- (e) peguam itu telah mengambil atau bersetuju untuk mengambil, atau meminta daripada orang yang dibantu atau tertuduh yang dibantu apa-apa bayaran fi, keuntungan atau hadiah untuk faedah peguam itu pada masa itu dia—
- (i) menyiasat atau membuat apa-apa laporan berhubung dengan permohonan bagi bantuan guaman atau khidmat pembelaan awam;
 - (ii) memberikan apa-apa pendapat di bawah mana-mana peruntukan Akta ini; atau
 - (iii) mengendalikan apa-apa prosiding menurut apa-apa penugasan di bawah Akta ini.

Jawatankuasa disiplin untuk peguam

11. (1) Ketua Pengarah hendaklah, sebelum menjalankan apa-apa kuasa di bawah perenggan 10(c), (d) atau (e), membuat syor kepada Menteri untuk menubuhkan suatu jawatankuasa disiplin untuk menjalankan prosiding disiplin terhadap mana-mana peguam mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Menteri.

(2) Ketua Pembela Awam hendaklah, sebelum menjalankan apa-apa kuasa di bawah perenggan 10(c), (d) atau (e), menasihati Ketua Pengarah untuk membuat syor kepada Menteri untuk menubuhkan suatu jawatankuasa disiplin untuk menjalankan prosiding disiplin terhadap mana-mana peguam mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Menteri.

(3) Mana-mana peguam yang tertakluk kepada prosiding disiplin di bawah seksyen ini hendaklah diberi peluang untuk tunjuk sebab.

(4) Ketua Pengarah atau Ketua Pembela Awam, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah melaksanakan apa-apa keputusan yang dibuat oleh jawatankuasa disiplin.

(5) Mana-mana peguam yang terkilang dengan keputusan Menteri atau mana-mana jawatankuasa disiplin yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1) atau (2) boleh memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk semakan kehakiman atas keputusan itu.

Bantuan guaman atau khidmat pembelaan awam tidak boleh ditamatkan tanpa kebenaran

12. (1) Orang yang dibantu atau tertuduh yang dibantu tidak boleh, tanpa kebenaran Ketua Pengarah atau Ketua Pembela Awam, mengikut mana-mana yang berkenaan, menamatkan bantuan guaman atau khidmat pembelaan awam yang diberikan oleh mana-mana peguam yang ditugaskan kepadanya.

(2) Peguam yang ditugaskan tidak boleh, tanpa kebenaran Ketua Pengarah atau Ketua Pembela Awam, menamatkan khidmat bantuan guaman atau pembelaan awamnya melainkan jika—

- (a) peguam itu menamakan seorang peguam yang lain daripada panel peguam untuk menggantikannya; atau
- (b) prosiding itu boleh dikendalikan oleh mana-mana pegawai yang dilantik atau pegawai pembela awam.

Bab 3

Fi bagi khidmat bantuan guaman dan khidmat pembelaan awam

Fi bagi khidmat bantuan guaman dan khidmat pembelaan awam

13. (1) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, mana-mana orang yang layak bagi bantuan guaman atau khidmat pembelaan awam di bawah Akta ini, hendaklah membayar kepada Ketua Pengarah suatu fi sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri.

(2) Pembayaran fi di bawah Akta ini hendaklah dibuat sebelum pengeluaran apa-apa perakuan atau pemberian perkhidmatan di bawah Akta ini.

(3) Fi yang dibayar di bawah Akta ini hendaklah didepositkan ke dalam akaun amanah.

Bab 4

*Akaun amanah***Akaun amanah**

14. (1) Ketua Pengarah hendaklah mengadakan dan menyenggarakan suatu akaun amanah mengikut Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*] bagi maksud pemungutan, atau pembayaran, apa-apa fi, sumbangan, kos, caj dan apa-apa bayaran lain berhubung dengan bantuan guaman dan khidmat pembelaan awam di bawah Akta ini.

(2) Semua wang dalam akaun amanah hendaklah dibelanjakan bagi maksud mentadbir bantuan guaman dan khidmat pembelaan awam.

BAHAGIAN III

KHIDMAT BANTUAN GUAMAN

Bab 1

*Khidmat bantuan guaman***Khidmat bantuan guaman**

15. (1) Khidmat bantuan guaman yang disediakan di bawah Akta ini hendaklah terdiri daripada yang berikut:

- (a) nasihat guaman sebagaimana yang diperuntukkan dalam Bab 2;
- (b) bantuan guaman dalam prosiding sivil dan syariah sebagaimana yang diperuntukkan dalam Bab 3;
- (c) khidmat pendamping guaman sebagaimana yang diperuntukkan dalam Bab 4; dan
- (d) khidmat pengantaraan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Bab 5.

(2) Khidmat bantuan guaman yang disebut dalam subseksyen (1) boleh disediakan kepada warganegara Malaysia sahaja kecuali dalam hal keadaan khas yang dibenarkan oleh Menteri demi kepentingan keadilan.

Bab 2

Nasihat guaman

Ruang lingkup khidmat nasihat guaman

16. (1) Ketua Pengarah atau peguam yang ditugaskan boleh menyediakan khidmat nasihat guaman berhubung dengan apa-apa perkara undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Ketua Pengarah atau peguam yang ditugaskan boleh memberikan khidmat nasihat guaman berhubung dengan kaedah bagi permohonan dan penentuan kelayakan untuk mendapat apa-apa khidmat bantuan guaman di bawah Bahagian ini atau khidmat pembelaan awam di bawah Bahagian IV.

Permohonan bagi khidmat nasihat guaman

17. (1) Suatu permohonan oleh seseorang yang ingin mendapatkan khidmat nasihat guaman hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah mengikut apa-apa kaedah sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah disertakan dengan apa-apa maklumat, butir-butir atau dokumen sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(3) Selepas menimbangkan permohonan, Ketua Pengarah boleh meluluskan penyediaan khidmat nasihat guaman kepada pemohon.

(4) Ketua Pengarah boleh, selepas kelulusan diberikan, menasihati orang yang dibantu atau menugaskan seorang peguam daripada panel peguam untuk menasihati orang yang dibantu itu.

(5) Jika pemohon seorang kanak-kanak, permohonan itu hendaklah dibuat bagi pihak kanak-kanak itu oleh ibu bapa atau penjaganya dan apa-apa sebutan kepada pemohon dalam Bab ini hendaklah termasuk ibu bapa atau penjaga kanak-kanak itu.

Kaedah pemberian nasihat guaman

18. (1) Ketua Pengarah atau peguam yang ditugaskan boleh, selepas kelulusan diberikan di bawah seksyen 17, memberikan nasihat guaman kepada orang yang dibantu secara lisan, melalui perkhidmatan elektronik atau teknologi komunikasi jarak jauh, atau melalui apa-apa kaedah lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri.

(2) Dalam memberikan nasihat di bawah subseksyen (1), Ketua Pengarah juga boleh mengendalikan apa-apa siasatan ke atas kemampuan dan keadaan orang yang dibantu.

Sumbangan bagi khidmat nasihat guaman

19. (1) Ketua Pengarah boleh menghendaki seseorang yang dibantu untuk membayar sumbangan bagi apa-apa amaun sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri dan sumbangan itu hendaklah didepositkan ke dalam akaun amanah.

(2) Ketua Pengarah boleh menghendaki seseorang yang dibantu untuk membayar apa-apa sumbangan tambahan sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri jika Ketua Pengarah, selepas mengendalikan siasatan di bawah subseksyen 18 (2) atau selepas mendapat apa-apa maklumat lain daripada apa-apa sumber lain, mendapati bahawa seseorang yang dibantu itu mempunyai pendapatan yang melebihi had kelayakan berdasarkan kriteria dan ujian kemampuan yang ditetapkan oleh Menteri.

Bab 3*Bantuan guaman dalam prosiding sivil dan syariah***Ruang lingkup bantuan guaman dalam prosiding sivil dan syariah**

20. (1) Ketua Pengarah, pegawai yang dilantik atau peguam yang ditugaskan boleh menyediakan bantuan guaman dalam prosiding sivil dan syariah berhubung dengan apa-apa prosiding yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(2) Walau apa pun subseksyen (1) dan seksyen 25 dan 26, jika Menteri berpuas hati bahawa dalam apa-apa kesusahan yang tertentu demi kepentingan keadilan untuk berbuat demikian, Menteri boleh membenarkan Ketua Pengarah untuk menyediakan bantuan guaman dalam apa-apa prosiding sivil dan syariah selain prosiding yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

Permohonan bagi bantuan guaman dalam prosiding sivil dan syariah

21. (1) Suatu permohonan oleh seseorang yang memerlukan bantuan guaman dalam apa-apa prosiding sivil atau syariah, sama ada atas haknya sendiri atau atas sifatnya sebagai wakil, hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah mengikut apa-apa kaedah sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Suatu permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah disertakan dengan apa-apa maklumat, butir-butir atau dokumen sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(3) Jika pemohon seorang kanak-kanak, permohonan itu hendaklah dibuat bagi pihak kanak-kanak itu oleh ibu bapa atau penjaganya dan apa-apa sebutan kepada pemohon dalam Bab ini hendaklah termasuk ibu bapa atau penjaga kanak-kanak itu.

Kuasa Ketua Pengarah untuk menyiasat

22. (1) Dalam menimbangkan permohonan di bawah seksyen 21, Ketua Pengarah boleh—

(a) mengendalikan apa-apa siasatan yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah berkenaan dengan—

- (i) kemampuan dan keadaan pemohon itu;
- (ii) merit kes itu; dan
- (iii) keperluan untuk merujuk permohonan itu kepada Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat termasuklah Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri bagi setiap Negeri untuk suatu laporan mengenai kemampuan dan keadaan pemohon itu;

- (b) menghendaki pemohon untuk menyediakan apa-apa maklumat, butir-butir atau dokumen sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah bagi maksud menimbangankan permohonan itu;
- (c) menghendaki pemohon itu hadir sendiri di hadapan Ketua Pengarah atau pegawai yang dilantik;
- (d) merujuk permohonan itu atau apa-apa hal perkara yang timbul dalam permohonan itu kepada mana-mana panel peguam untuk—
 - (i) menyiasat fakta dan membuat suatu laporan berkenaan dengan fakta itu; atau
 - (ii) memberikan apa-apa pendapat mengenai fakta itu atau mengenai apa-apa persoalan undang-undang yang timbul dalam permohonan itu;
- (e) mengambil atau mengarahkan supaya diambil apa-apa langkah yang perlu untuk memelihara kepentingan pemohon itu sementara menunggu keputusan permohonannya; dan
- (f) membayar perbelanjaan yang bersampingan dengan apa-apa hal perkara yang disebut di atas daripada wang yang diperuntukkan bagi maksud itu.

(2) Ketua Pengarah boleh menolak apa-apa permohonan di bawah subseksyen (1) jika pemohon gagal untuk menyediakan apa-apa maklumat, butir-butir atau dokumen sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah.

Pengeluaran perakuan bantuan guaman dalam prosiding sivil dan syariah

23. (1) Selepas menyiasat permohonan menurut seksyen 22 dan selepas pembayaran fi yang ditetapkan telah dibuat oleh pemohon, Ketua Pengarah boleh mengeluarkan suatu perakuan bantuan guaman kepada pemohon jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa—

- (a) pemohon itu mempunyai alasan yang munasabah untuk membawa, membela, meneruskan atau menjadi suatu pihak kepada prosiding itu; dan

(b) pemohon itu memenuhi kriteria dan ujian kemampuan sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri.

(2) Orang yang dibantu itu hendaklah mematuhi apa-apa arahan yang diberikan oleh Ketua Pengarah dan layak untuk apa-apa hak dan keistimewaan, mengikut Akta ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.

Perakuan bantuan guaman bagi semua kausa tindakan dalam prosiding syariah

24. (1) Ketua Pengarah boleh, dalam hal prosiding syariah, mengeluarkan hanya satu perakuan bantuan guaman kepada pemohon itu walaupun pertikaian pemohon itu boleh membawa kepada beberapa kausa tindakan berbangkit, dengan syarat semua kausa tindakan dalam pertikaian itu melibatkan pihak yang sama.

(2) Perakuan itu hendaklah terus berkuat kuasa bagi apa-apa kausa tindakan yang belum selesai.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), dan tertakluk kepada seksyen 33, seseorang yang dibantu hendaklah memohon bagi perakuan bantuan guaman yang baharu jika dia berhasrat untuk merayu apa-apa keputusan yang dibuat oleh mahkamah rendah berhubung dengan mana-mana prosiding syariah yang telah selesai dan permohonan itu hendaklah disifatkan sebagai permohonan baharu.

Kuasa tambahan untuk mengeluarkan perakuan bantuan guaman dalam prosiding sivil dan syariah

25. (1) Walau apa pun seksyen 23, Ketua Pengarah boleh mengeluarkan suatu perakuan bantuan guaman berhubung dengan mana-mana prosiding sivil atau syariah kepada seseorang pemohon jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa—

(a) pemohon itu mempunyai alasan yang munasabah bagi membawa, membela, meneruskan atau menjadi suatu pihak kepada prosiding itu; dan

(b) pemohon itu memenuhi kriteria dan ujian kemampuan sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri.

(2) Ketua Pengarah boleh, sebelum mengeluarkan perakuan bantuan guaman kepada pemohon yang disebut dalam subseksyen (1), menghendaki pemohon untuk membayar kepada Ketua Pengarah suatu sumbangan terhadap amaun yang kena dibayar atas akaun pemohon itu bagi maksud pemfailan di mahkamah dan sumbangan itu hendaklah didepositkan ke dalam akaun amanah.

(3) Walau apa pun subseksyen (2) dan seksyen 24, Ketua Pengarah boleh—

- (a) mengeluarkan perakuan bantuan guaman yang berasingan kepada pemohon bagi setiap kausa tindakan yang berbeza walaupun pertikaian itu melibatkan pihak yang sama; dan
- (b) menghendaki pemohon untuk membayar sumbangan kepada Ketua Pengarah, bagi apa-apa amaun sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri, bagi setiap perakuan yang disebut dalam perenggan (a), dan sumbangan itu hendaklah didepositkan ke dalam akaun amanah.

Pengeluaran perakuan bantuan guaman selepas mendapat kebenaran Menteri dalam prosiding sivil dan syariah

26. (1) Walau apa pun seksyen 23 dan 25, Ketua Pengarah hendaklah, selepas mendapat kebenaran Menteri di bawah subseksyen 20(2), mengeluarkan suatu perakuan bantuan guaman kepada seseorang pemohon.

(2) Ketua Pengarah boleh, sebelum mengeluarkan perakuan bantuan guaman di bawah subseksyen (1), menghendaki pemohon itu untuk membayar suatu sumbangan terhadap amaun yang genap masa dan kena dibayar atas akaun pemohon itu bagi maksud pemfailan di mahkamah dan sumbangan itu hendaklah didepositkan ke dalam akaun amanah.

(3) Walau apa pun seksyen 24, Ketua Pengarah boleh—

- (a) mengeluarkan perakuan bantuan guaman yang berasingan kepada pemohon bagi setiap kausa tindakan yang berbeza walaupun pertikaian itu melibatkan pihak yang sama; dan

- (b) menghendaki pemohon untuk membayar suatu sumbangan kepada Ketua Pengarah, bagi apa-apa amaun sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri, bagi setiap perakuan yang disebut dalam perenggan (a), dan sumbangan itu hendaklah didepositkan ke dalam akaun amanah.

Sumbangan daripada orang yang dibantu selepas mendapat perakuan bantuan guaman bagi prosiding sivil dan syariah

27. (1) Ketua Pengarah boleh menghendaki orang yang dibantu dalam prosiding sivil dan syariah untuk membayar suatu sumbangan bagi suatu amaun sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri dan sumbangan itu hendaklah didepositkan ke dalam akaun amanah.

(2) Jika terdapat apa-apa lebihan sumbangan dalam akaun orang yang dibantu, orang yang dibantu itu boleh, dalam tempoh enam bulan dari tarikh perakuan bantuan guaman ditamatkan, memohon kepada Ketua Pengarah untuk lebihan sumbangan itu dibayar balik.

(3) Lebihan sumbangan yang perlu dibayar balik di bawah subseksyen (2) tidak boleh melebihi dua puluh lima peratus daripada sumbangan yang merupakan kos kepeguaman yang telah dibayar menurut subseksyen (1).

(4) Orang yang dibantu itu hendaklah disifatkan telah melepaskan haknya jika orang yang dibantu itu tidak memohon bagi pembayaran balik lebihan sumbangan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (2).

(5) Tertakluk kepada peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, apa-apa sumbangan yang belum dibayar atas akaun orang yang dibantu berhubung dengan apa-apa prosiding sivil atau syariah, hendaklah menjadi suatu tanggungan pertama atas apa-apa harta yang boleh didapati semula atau dipertahankan bagi orang yang dibantu dalam prosiding itu.

(6) Bagi maksud subseksyen (5), apa-apa harta yang didapatkan semula atau dipertahankan bagi mana-mana orang yang dibantu hendaklah termasuk—

- (a) haknya di bawah apa-apa persetujuan penyelesaian dalam prosiding itu; dan
- (b) apa-apa wang yang didapatkan semula menurut sesuatu perintah untuk kos yang dibuat bagi faedahnya dalam prosiding itu.

(7) Tanggungan yang diwujudkan oleh subseksyen (5) atas apa-apa ganti rugi atau kos tidak boleh menghalang mahkamah daripada membenarkan ganti rugi dan kos itu ditolak daripada ganti rugi atau kos lain jika lien peguam untuk kos tidak menghalangnya.

Merekodkan dan memfailkan perakuan bantuan guaman dalam prosiding sivil dan syariah

28. (1) Ketua Pengarah boleh, selepas mengeluarkan perakuan bantuan guaman kepada orang yang dibantu di bawah seksyen 23, 25 atau 26—

- (a) bertindak bagi pihak orang yang dibantu itu; atau
- (b) menugaskan seorang peguam yang dipilih sama ada oleh orang yang dibantu itu atau Ketua Pengarah untuk bertindak bagi pihak orang yang dibantu itu.

(2) Ketua Pengarah hendaklah merekodkan nama peguam yang ditugaskan itu dalam perakuan bantuan guaman.

(3) Ketua Pengarah atau peguam yang ditugaskan hendaklah memfailkan perakuan bantuan guaman itu tanpa dikenakan fi mahkamah untuk memulakan apa-apa prosiding di mahkamah.

(4) Ketua Pengarah atau peguam yang ditugaskan itu hendaklah mewakili orang yang dibantu dalam prosiding mahkamah selepas perakuan bantuan guaman itu difailkan di mahkamah.

(5) Jika terdapat apa-apa pertukaran peguam yang ditugaskan kepada orang yang dibantu, Ketua Pengarah atau peguam yang baharu hendaklah memfailkan di mahkamah yang mendengar prosiding itu suatu notis pertukaran peguam.

(6) Apabila perakuan bantuan guaman itu telah difailkan menurut subseksyen (3), orang yang dibantu itu—

- (a) hendaklah diberikan suatu salinan rekod nota hakim bagi prosiding sivil atau syariah orang yang dibantu itu dengan percuma;
- (b) tidak bertanggung untuk membayar apa-apa fi mahkamah yang termasuklah fi bagi proses penyampaian atau penguatkuasaan apa-apa perintah atau penghakiman mahkamah bagi prosiding sivil atau syariah orang yang dibantu itu; dan
- (c) tidak bertanggung untuk membayar apa-apa kos kepada mana-mana pihak lain dalam prosiding sivil atau syariah orang yang dibantu itu.

Pembatalan perakuan dalam prosiding sivil dan syariah

29. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2) dan (3), Ketua Pengarah boleh membatalkan—

- (a) apa-apa perakuan bantuan guaman yang dikeluarkan di bawah seksyen 23 atau 25, sama ada suatu permohonan telah dibuat bagi maksud itu atau tidak; dan
- (b) selepas mendapat kebenaran daripada Menteri, apa-apa perakuan bantuan guaman yang dikeluarkan di bawah seksyen 26.

(2) Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang dilantik hendaklah mengambil apa-apa tindakan yang munasabah atau perlu untuk mengeluarkan suatu notis pembatalan perakuan bantuan guaman kepada orang yang dibantu.

(3) Notis pembatalan perakuan bantuan guaman yang dikeluarkan kepada orang yang dibantu itu hendaklah berkuat kuasa dari tarikh orang yang dibantu itu menerima notis tersebut.

(4) Sekiranya perakuan bantuan guaman yang dibatalkan telah difailkan di mana-mana mahkamah, Ketua Pengarah atau pegawai yang dilantik hendaklah memfailkan di mahkamah itu suatu notis pembatalan perakuan bantuan guaman dan pembatalan itu hendaklah berkuat kuasa dari tarikh pemfailan notis itu di mahkamah.

(5) Mahkamah hendaklah, apabila menerima notis pembatalan di bawah subseksyen (4), memerintahkan semua prosiding sivil atau syariah yang belum selesai berhubung dengan orang yang dibantu itu ditangguh—

(a) bagi tempoh satu bulan; atau

(b) bagi apa-apa tempoh lain selepas mengambil kira kepentingan keadilan pihak yang mungkin terkesan oleh perintah penangguhan itu.

(6) Seseorang itu hendaklah terhenti daripada menjadi orang yang dibantu berkuat kuasa dari—

(a) tarikh orang itu menerima notis pembatalan di bawah subseksyen (3); atau

(b) tarikh pemfailan notis pembatalan di mahkamah di bawah subseksyen (4).

Pendahuluan bagi perbelanjaan luar jangka dalam prosiding sivil dan syariah

30. (1) Ketua Pengarah boleh meminta mana-mana pemohon atau orang yang dibantu untuk mendahulukan sejumlah wang pada bila-bila masa yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah untuk didepositkan ke dalam akaun amanah bagi maksud pembayaran perbelanjaan luar jangka yang timbul secara khusus berhubung dengan pemberian bantuan guaman di bawah Bab ini.

(2) Ketua Pengarah apabila meminta pendahuluan yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah memastikan permintaan itu tidak menyebabkan—

(a) kesusahan yang tidak wajar kepada pemohon atau orang yang dibantu itu; dan

(b) semua perkara yang berbangkit berhubungan dengan bantuan guaman itu digantung sementara menunggu pembayaran pendahuluan itu hingga boleh memudaratkan kepentingan pemohon atau orang yang dibantu.

(3) Pendahuluan yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah hanya digunakan bagi maksud perbelanjaan luar jangka.

(4) Ketua Pengarah boleh meneruskan apa-apa tindakan atas perbelanjaan wang awam atau wang daripada akaun amanah demi kepentingan keadilan walaupun pemohon atau orang yang dibantu itu gagal untuk mendahulukan sejumlah wang di bawah subseksyen (1).

(5) Jika terdapat apa-apa lebihan pendahuluan dalam akaun orang yang dibantu, orang yang dibantu boleh, dalam tempoh enam bulan dari tarikh perakuan ditamatkan, memohon kepada Ketua Pengarah bagi lebihan pendahuluan itu dikembalikan.

(6) Lebihan pendahuluan yang perlu dikembalikan di bawah subseksyen (5) tidak boleh melebihi dua puluh lima peratus daripada sumbangan yang merupakan kos kepeguaman yang telah dibayar menurut subseksyen (1).

(7) Orang yang dibantu itu hendaklah disifatkan telah melepaskan haknya jika orang yang dibantu itu tidak memohon bagi pembayaran balik lebihan pendahuluan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (5).

Kos

31. (1) Mahkamah boleh memerintahkan kos dibayar kepada mana-mana orang yang dibantu walaupun—

(a) tiada apa-apa amaun yang genap masa dan kena dibayar oleh orang yang dibantu itu; atau

(b) kos itu lebih tinggi daripada amaun yang genap masa dan kena dibayar oleh orang yang dibantu itu.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), apa-apa perintah berkenaan dengan kos hendaklah dibuat oleh mahkamah atas nama Ketua Pengarah Bantuan Guaman.

(3) Tertakluk kepada subseksyen (4), (5), (6), (7) dan (8), tiap-tiap orang yang dibantu hendaklah membayar kepada Ketua Pengarah suatu kos kepeguaman.

(4) Jika mahkamah memerintahkan orang yang dibantu itu untuk menerima apa-apa wang yang kurang daripada sepuluh ribu ringgit, orang yang dibantu itu tidak bertanggung untuk membuat apa-apa bayaran kepada Ketua Pengarah sebagai kos kepeguaman.

(5) Jika mahkamah memerintahkan orang yang dibantu itu untuk menerima apa-apa wang yang lebih daripada sepuluh ribu ringgit, orang yang dibantu itu hendaklah membayar kepada Ketua Pengarah satu perempat daripada amaun yang diperintahkan tetapi tidak melebihi sepuluh ribu ringgit sebagai kos kepeguaman yang perlu didepositkan ke dalam akaun amanah.

(6) Jika mahkamah memerintahkan orang yang dibantu itu untuk menerima apa-apa harta yang bernilai lebih daripada sepuluh ribu ringgit sebagaimana yang ditaksirkan dalam prosiding itu, orang yang dibantu itu hendaklah membayar kepada Ketua Pengarah suatu amaun yang tidak melebihi sepuluh peratus daripada nilai harta tersebut sebagai kos kepeguaman yang perlu didepositkan ke dalam akaun amanah.

(7) Jika mahkamah mengesahkan suatu award yang diberikan oleh badan separa kehakiman, orang yang dibantu itu hendaklah membayar kepada Ketua Pengarah suatu amaun tidak melebihi sepuluh peratus daripada amaun award sebagai kos kepeguaman yang perlu didepositkan ke dalam akaun amanah.

(8) Ketua Pengarah boleh, dengan kelulusan Menteri, mengenyepikan atau membenarkan pengurangan apa-apa bayaran yang boleh dikenakan di bawah subseksyen (5), (6) atau (7) jika pengenaan pembayaran itu boleh menyebabkan kesusahan yang tidak wajar ke atas orang yang dibantu itu.

(9) Bagi maksud subseksyen (1), “kos” hendaklah termasuk—

(a) fi peguam;

(b) fi yang disebut dalam perenggan 28(6)(a) dan (b); dan

(c) apa-apa wang yang dibelanjakan oleh Ketua Pengarah menurut seksyen 30, bagi membayar perbelanjaan luar jangka.

(10) Bagi maksud subseksyen (4) dan (5), “wang” tidak termasuk kos yang disebut dalam subseksyen (1).

Penangguhan prosiding apabila permohonan bantuan guaman dibuat

32. (1) Sekiranya semasa apa-apa prosiding sivil atau syariah, suatu pihak kepada prosiding membuat permohonan bagi bantuan guaman di bawah Akta ini, Ketua Pengarah hendaklah—

(a) menyerahkan suatu pemberitahuan kepada pihak yang satu lagi mengikut kaedah-kaedah mahkamah berkenaan dengan permohonan itu; dan

(b) memfailkan pemberitahuan itu mengikut kaedah-kaedah mahkamah tanpa membayar apa-apa fi pemfailan.

(2) Mahkamah hendaklah, apabila menerima pemberitahuan daripada Ketua Pengarah di bawah subseksyen (1), memerintahkan prosiding itu ditangguh bagi tempoh satu bulan daripada—

(a) tarikh pemfailan pemberitahuan itu; atau

(b) mana-mana tarikh sebutan atau pendengaran sebagaimana diarahkan oleh mahkamah,

bagi membolehkan Ketua Pengarah memutuskan sama ada pemohon itu layak diberikan bantuan guaman di bawah Akta ini.

(3) Bagi maksud subseksyen (2), mahkamah boleh—

- (a) membenarkan tempoh penangguhan dikurangkan atau dilanjutkan; atau
- (b) membatalkan perintah penangguhan itu jika mahkamah mendapati permohonan bagi bantuan guaman yang dibuat di bawah Akta ini merupakan suatu tindakan penyalahgunaan proses mahkamah oleh pemohon.

(4) Walau apa pun subseksyen (2) dan (3), demi kepentingan keadilan, mahkamah boleh membenarkan—

- (a) suatu perintah interlokutori diberikan, dikuatkuasakan atau dilaksanakan bagi sesuatu injunksi;
- (b) suatu perintah interlokutori bagi pelantikan seseorang penerima atau pengurus, atau penerima dan pengurus;
- (c) suatu perintah untuk mengekalkan kesahan sesuatu kaveat untuk menghalang apa-apa urusan niaga sesuatu tanah diberimilik; atau
- (d) apa-apa perintah lain yang perlu dibuat oleh mahkamah secara adil dan saksama bagi faedah pihak satu lagi dalam prosiding itu.

(5) Seksyen 21, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29, 30 dan 31 hendaklah terpakai *mutatis mutandis* bagi permohonan untuk bantuan guaman di bawah subseksyen (1).

Rayuan orang yang dibantu terhadap keputusan mahkamah

33. (1) Jika orang yang dibantu terkilang dengan apa-apa keputusan mahkamah dan ingin merayu terhadap keputusan mahkamah itu, orang yang dibantu itu hendaklah memohon bagi suatu perakuan bantuan guaman yang baharu bagi maksud rayuan itu.

(2) Permohonan bagi bantuan guaman di bawah subseksyen (1) hendaklah disifatkan sebagai suatu permohonan bantuan guaman yang baharu.

(3) Seksyen 21, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29, 30 dan 31 hendaklah terpakai *mutatis mutandis* bagi permohonan untuk bantuan guaman di bawah seksyen ini.

(4) Rayuan yang disebut di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat dengan kelulusan Ketua Pengarah tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(5) Walau apa pun subseksyen (4), bagi maksud mematuhi kaedah-kaedah berkenaan dengan tempoh masa yang ditetapkan bagi pemfailan suatu rayuan, suatu notis rayuan boleh difailkan terlebih dahulu tanpa kelulusan Ketua Pengarah.

(6) Notis rayuan yang difailkan oleh orang yang dibantu itu boleh diteruskan sendiri walaupun permohonannya untuk bantuan guaman tidak diluluskan oleh Ketua Pengarah.

Rayuan terhadap keputusan mahkamah oleh orang selain orang yang dibantu

34. Jika pihak lain kepada prosiding merayu terhadap apa-apa keputusan mahkamah, perakuan yang telah dikeluarkan oleh Ketua Pengarah bagi faedah orang yang dibantu di bawah Akta ini hendaklah terus berkuat kuasa sehingga semua hal perkara yang timbul daripada rayuan itu selesai.

Permohonan baharu bagi bantuan guaman di peringkat rayuan

35. Seksyen 21, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29, 30 dan 31 hendaklah terpakai *mutatis mutandis* bagi mana-mana orang yang memerlukan bantuan guaman bagi maksud—

- (a) membuat rayuan ke mahkamah yang lebih tinggi kerana terkilan dengan apa-apa keputusan mahkamah bawahan; atau
- (b) membolehkan Ketua Pengarah mewakilinya untuk suatu rayuan yang dibawa oleh pihak satu lagi yang terkilan oleh apa-apa keputusan mahkamah yang memberi faedah kepada pemohon itu.

Bab 4

*Khidmat pendamping guaman***Ruang lingkup khidmat pendamping guaman**

36. (1) Ketua Pengarah, seseorang peguam yang ditugaskan atau seseorang pegawai yang dilantik boleh memberikan khidmat pendamping guaman kepada kanak-kanak yang menjadi mangsa kepada apa-apa jenayah dalam apa-apa prosiding yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga tanpa mengira kerakyatan dan kewarganegaraan kanak-kanak itu.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Ketua Pengarah boleh, demi kepentingan keadilan, menyediakan khidmat pendamping guaman kepada seseorang yang telah mencapai umur lapan belas tahun sekiranya orang itu menjadi mangsa kepada apa-apa jenayah dalam apa-apa prosiding yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga dan masih seorang kanak-kanak pada masa prosiding itu dimulakan di mahkamah.

Tujuan khidmat pendamping guaman

37. (1) Khidmat pendamping guaman boleh disediakan bagi tujuan yang berikut:

- (a) untuk menasihati penjaga, atau pelindung orang yang dibantu yang dibenarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis, mengenai perkara undang-undang yang timbul dari prosiding yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga;
- (b) untuk mendapatkan maklumat yang berkenaan yang berhubungan dengan pertuduhan terhadap mana-mana tertuduh dalam mana-mana prosiding jenayah yang orang yang dibantu itu merupakan mangsa;
- (c) untuk mendampingi orang yang dibantu dalam mana-mana prosiding di mahkamah, dan dengan kebenaran mahkamah untuk bercakap bagi pihak orang yang dibantu, jika perlu; dan

- (d) untuk menasihati penjaga, atau pelindung seseorang yang dibantu sebagaimana yang dibenarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis, mengenai apa-apa perkara yang berhubungan dengan apa-apa prosiding sivil yang boleh dibawa atau dimulakan oleh orang yang dibantu itu, yang timbul dari prosiding yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

Permohonan bagi khidmat pendamping guaman

38. (1) Suatu permohonan oleh seseorang yang ingin mendapatkan khidmat pendamping guaman hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah mengikut kaedah yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Permohonan oleh seseorang kanak-kanak hendaklah dibuat melalui ibu bapa atau penjaga kanak-kanak itu.

(3) Permohonan di bawah subseksyen (1) dan (2) hendaklah disertakan dengan apa-apa maklumat, butir-butir atau dokumen sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

Pengeluaran perakuan bantuan guaman bagi khidmat pendamping guaman

39. Selepas menimbangkan permohonan yang dibuat di bawah seksyen 38 dan selepas pembayaran fi telah dibuat oleh pemohon, Ketua Pengarah boleh mengeluarkan perakuan bantuan guaman bagi khidmat pendamping guaman kepada pemohon.

Sumbangan daripada orang yang dibantu selepas mendapat perakuan bantuan guaman bagi khidmat pendamping guaman

40. (1) Ketua Pengarah boleh menghendaki orang yang dibantu untuk membayar sumbangan sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri jika Ketua Pengarah mendapati bahawa orang yang dibantu itu mempunyai pendapatan yang melebihi had kelayakan berdasarkan kriteria dan ujian kemampuan yang ditetapkan oleh Menteri.

(2) Sumbangan yang dibayar di bawah subseksyen (1) hendaklah didepositkan ke dalam akaun amanah dan hanya boleh dibelanjakan bagi maksud mentadbir khidmat pendamping guaman.

Merekodkan dan memfailkan perakuan bantuan guaman bagi khidmat pendamping guaman

41. (1) Ketua Pengarah boleh, selepas mengeluarkan perakuan bantuan guaman kepada orang yang dibantu di bawah seksyen 39—

- (a) bertindak bagi pihak orang yang dibantu itu; atau
- (b) menugaskan seorang peguam yang dipilih sama ada oleh orang yang dibantu itu atau Ketua Pengarah untuk bertindak bagi pihak orang yang dibantu itu.

(2) Ketua Pengarah hendaklah merekodkan nama peguam yang ditugaskan itu dalam perakuan bantuan guaman.

(3) Ketua Pengarah atau peguam yang ditugaskan hendaklah memfailkan perakuan bantuan guaman itu tanpa dikenakan fi mahkamah untuk memulakan apa-apa prosiding di mahkamah.

(4) Ketua Pengarah atau peguam yang ditugaskan itu hendaklah mewakili orang yang dibantu dalam prosiding mahkamah selepas perakuan bantuan guaman itu difailkan di mahkamah.

(5) Jika terdapat apa-apa pertukaran peguam yang ditugaskan kepada orang yang dibantu, Ketua Pengarah atau peguam yang baharu hendaklah memfailkan di mahkamah yang mendengar prosiding itu suatu notis pertukaran peguam.

(6) Apabila perakuan bantuan guaman itu telah difailkan menurut subseksyen (3), orang yang dibantu itu—

- (a) hendaklah diberikan suatu salinan rekod nota hakim bagi prosiding jenayah yang berkaitan dengan orang yang dibantu itu secara percuma;
- (b) tidak bertanggung untuk membayar apa-apa fi mahkamah; dan
- (c) tidak bertanggung untuk membayar apa-apa kos kepada mana-mana pihak lain dalam prosiding jenayah yang berkaitan dengan orang yang dibantu itu.

Pembatalan perakuan bantuan guaman bagi khidmat pendamping guaman

42. (1) Ketua Pengarah boleh membatalkan apa-apa perakuan bantuan guaman bagi khidmat pendamping guaman yang diberikan kepada orang yang dibantu atas apa-apa alasan demi kepentingan keadilan.

(2) Ketua Pengarah atau pegawai yang dilantik hendaklah mengambil apa-apa tindakan yang munasabah atau perlu untuk mengeluarkan suatu notis pembatalan perakuan bantuan guaman kepada orang yang dibantu itu melalui ibu bapa atau penjaganya.

(3) Notis pembatalan perakuan bantuan guaman yang dikeluarkan kepada orang yang dibantu itu hendaklah berkuat kuasa dari tarikh orang yang dibantu itu menerima notis tersebut.

(4) Jika perakuan bantuan guaman yang dibatalkan telah difailkan di mahkamah, Ketua Pengarah atau pegawai yang dilantik hendaklah memfailkan di mahkamah itu suatu notis pembatalan perakuan bantuan guaman dan pembatalan itu hendaklah berkuat kuasa dari tarikh pemfailan notis itu di mahkamah.

(5) Walau apa pun subseksyen (1), orang yang dibantu melalui ibu bapa atau penjaganya boleh merayu kepada Menteri jika mereka masih memerlukan khidmat pendamping guaman, dan apa-apa keputusan yang dibuat oleh Menteri atas rayuan itu adalah muktamad.

(6) Seseorang itu hendaklah terhenti daripada menjadi orang yang dibantu berkuat kuasa dari—

(a) tarikh orang itu menerima notis pembatalan di bawah subseksyen (3); atau

(b) tarikh pemfailan notis pembatalan di mahkamah di bawah subseksyen (4).

Bab 5

*Pengantaraan***Ruang lingkup khidmat pengantaraan**

43. Ketua Pengarah boleh, dengan kebenaran Menteri, menyediakan khidmat pengantaraan kepada mana-mana orang atau orang yang dibantu berhubung dengan apa-apa prosiding yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

Permohonan bagi khidmat pengantaraan

44. (1) Suatu permohonan oleh seseorang atau orang yang dibantu yang ingin mendapatkan khidmat pengantaraan hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah disertakan dengan apa-apa maklumat, butir-butir atau dokumen sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(3) Selepas menimbangkan permohonan, Ketua Pengarah boleh meluluskan penyediaan khidmat pengantaraan kepada pemohon dan boleh menyediakan khidmat pengantaraan kepada pemohon mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Menteri.

(4) Jika pemohon seorang kanak-kanak, permohonan itu hendaklah dibuat bagi pihak kanak-kanak itu oleh ibu bapa atau penjaganya dan apa-apa sebutan kepada pemohon dalam Bab ini hendaklah termasuk ibu bapa atau penjaga kanak-kanak itu.

Rujukan kepada pengantaraan oleh Ketua Pengarah

45. Ketua Pengarah boleh, jika difikirkannya perlu, merujuk mana-mana orang, pemohon atau orang yang dibantu di bawah Bab 2 dan 3 Bahagian III kepada khidmat pengantaraan dengan memberikan notis secara lisan, atau melalui perkhidmatan elektronik atau komunikasi teknologi jarak jauh menghendaki orang itu membuat permohonan bagi khidmat pengantaraan di bawah seksyen 44.

Pengantara

46. (1) Menteri boleh melantik mana-mana orang sebagai seorang pengantara bagi maksud Bab ini.

(2) Tiap-tiap pengantara yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah tertakluk kepada pengawasan dan arahan am Ketua Pengarah.

(3) Pengantara yang dilantik di bawah seksyen ini tidak boleh hadir dan berhujah dalam mana-mana mahkamah untuk mewakili mana-mana orang yang merupakan pihak kepada sidang pengantaraan yang dikendalikan olehnya bagi pertikaian yang sama yang timbul dalam sidang pengantaraan tersebut.

(4) Menteri boleh menamatkan perkhidmatan mana-mana pengantara yang dilantik di bawah subseksyen (1) atas apa-apa sebab.

Kaedah mengendalikan pengantaraan

47. (1) Sesuatu sidang pengantaraan hendaklah dikendalikan mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Menteri dan selepas pembayaran fi yang ditetapkan.

(2) Sesuatu sidang pengantaraan boleh dipengerusikan oleh seorang atau lebih pengantara.

(3) Sesuatu sidang pengantaraan boleh dimulakan atau diteruskan sama ada pertikaian tersebut boleh menjadi hal perkara atau sedang menjadi hal perkara yang dipertikaikan di hadapan mana-mana mahkamah, tribunal atau badan atau tidak.

Pengantaraan adalah sukarela

48. (1) Semua pihak kepada khidmat pengantaraan yang disediakan oleh Ketua Pengarah boleh secara sukarela hadir dan menyertai sesuatu sidang pengantaraan.

(2) Mana-mana pihak kepada khidmat pengantaraan itu boleh menarik diri daripada sidang pengantaraan itu pada bila-bila masa.

(3) Walau apa pun subseksyen (1) dan (2), kehadiran dan penyertaan dalam atau penarikan diri daripada sidang pengantaraan yang dikendalikan di bawah Akta ini hendaklah tidak menjejaskan apa-apa hak atau remedi yang ada pada pihak kepada pertikaian.

Komunikasi sulit dengan pengantara

49. (1) Tiada seorang pun boleh dipaksa untuk menzahirkan kepada mahkamah apa-apa komunikasi sulit yang telah berlaku antara orang itu dengan pengantara, jika proses pengantaraan itu gagal.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), jika orang itu menawarkan dirinya sebagai saksi dalam perbicaraan yang melibatkan apa-apa pertikaian yang telah menjadi subjek kepada pengantaraan di bawah Bab ini, orang itu boleh diarahkan oleh mahkamah untuk menzahirkan apa-apa komunikasi dalam sidang pengantaraan itu hanya jika komunikasi itu didapati perlu oleh mahkamah untuk menjelaskan apa-apa keterangan yang telah diberikan oleh orang itu.

Penyelesaian atau persetujuan hendaklah diubah ke dalam bentuk bertulis

50. Tiada penyelesaian atau persetujuan boleh mengikat semua pihak dalam suatu sidang pengantaraan dan boleh dikuatkuasakan di mana-mana mahkamah melainkan jika ia telah diubah ke dalam bentuk bertulis dan ditandatangani oleh semua pihak dalam pengantaraan tersebut.

Pengantaraan melalui teknologi komunikasi jarak jauh

51. (1) Tertakluk kepada persetujuan pihak-pihak dan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Menteri, pengantara boleh mengendalikan sidang pengantaraan melalui teknologi komunikasi jarak jauh.

(2) Apa-apa penyelesaian atau persetujuan yang telah diubah ke dalam bentuk bertulis dan ditandatangani melalui perkhidmatan elektronik oleh pihak-pihak kepada pengantaraan itu adalah mengikat pihak-pihak dan boleh direkodkan di mana-mana mahkamah.

BAHAGIAN IV

KHIDMAT PEMBELAAN AWAM

Ruang lingkup khidmat pembelaan awam

52. (1) Ketua Pengarah, Ketua Pembela Awam, peguam yang ditugaskan atau pegawai pembela awam boleh memberikan khidmat pembelaan awam berhubung dengan apa-apa prosiding jenayah yang dinyatakan dalam Jadual Keempat.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), apabila Menteri berpuas hati bahawa dalam apa-apa kesusahan yang tertentu demi kepentingan keadilan untuk berbuat demikian, Menteri boleh membenarkan Ketua Pengarah atau Ketua Pembela Awam untuk menyediakan khidmat pembelaan awam selain apa-apa prosiding yang dinyatakan dalam Jadual Keempat.

Permohonan bagi khidmat pembelaan awam

53. (1) Suatu permohonan oleh seseorang yang memerlukan khidmat pembelaan awam hendaklah dibuat kepada Ketua Pembela Awam dalam apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah disertakan dengan apa-apa maklumat, butir-butir atau dokumen sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(3) Permohonan di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa dalam tempoh empat belas hari—

(a) selepas kes dipindahkan ke Mahkamah Tinggi di bawah seksyen 177A Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*];

(b) selepas suatu pertuduhan di hadapan mana-mana mahkamah;

(c) selepas sabitan oleh mana-mana mahkamah; atau

(d) selepas menerima suatu notis rayuan.

(4) Jika pemohon seorang kanak-kanak, permohonan itu hendaklah dibuat bagi pihak kanak-kanak itu oleh ibu bapa atau penjaganya dan apa-apa sebutan kepada pemohon dalam Bab ini hendaklah termasuk ibu bapa atau penjaga kanak-kanak itu.

(5) Tertakluk kepada batas di bawah seksyen 56, tiada seorang pun yang ditahan berhubung dengan apa-apa kesalahan atau yang dipertuduh dengan apa-apa kesalahan boleh dinafikan peluang untuk memohon bagi khidmat pembelaan awam.

Pengeluaran perakuan pembelaan awam

54. Ketua Pembela Awam boleh mengeluarkan perakuan pembelaan awam kepada pemohon selepas pembayaran fi yang ditetapkan dan selepas menimbangkan permohonan di bawah seksyen 53 dan berpuas hati bahawa—

- (a) pemohon itu mempunyai alasan yang munasabah untuk mendapat khidmat pembelaan awam dalam prosiding jenayah itu;
- (b) pemohon itu memenuhi kriteria dan ujian kemampuan sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri; dan
- (c) kesalahan yang dipertuduhkan ke atas pemohon adalah dalam ruang lingkup khidmat pembelaan awam.

Pengeluaran perakuan pembelaan awam selepas mendapat kebenaran Menteri

55. Walau apa pun seksyen 53, Ketua Pengarah hendaklah, selepas mendapat kebenaran Menteri untuk menyediakan khidmat pembelaan awam menurut subseksyen 52(2) dan selepas pembayaran fi yang ditetapkan, mengeluarkan suatu perakuan pembelaan awam kepada seseorang pemohon.

Batas khidmat pembelaan awam

56. Tiada khidmat pembelaan awam boleh disediakan berhubung dengan apa-apa prosiding jenayah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kelima.

Merekodkan dan memfailkan perakuan pembelaan awam

57. (1) Ketua Pembela Awam boleh, setelah mengeluarkan perakuan pembelaan awam kepada tertuduh yang dibantu di bawah seksyen 54 dan 55—

(a) bertindak bagi pihak tertuduh yang dibantu; atau

(b) menugaskan seorang peguam yang dipilih sama ada oleh tertuduh yang dibantu itu atau Ketua Pembela Awam untuk bertindak bagi pihak tertuduh yang dibantu itu.

(2) Ketua Pembela Awam hendaklah merekodkan nama peguam yang ditugaskan dalam perakuan pembelaan awam.

(3) Ketua Pembela Awam atau peguam yang ditugaskan hendaklah memfailkan perakuan pembelaan awam tanpa dikenakan bayaran mahkamah untuk memulakan apa-apa prosiding di mahkamah.

(4) Ketua Pembela Awam atau peguam yang ditugaskan hendaklah mewakili tertuduh yang dibantu dalam prosiding mahkamah selepas perakuan pembelaan awam difailkan di mahkamah.

(5) Jika terdapat apa-apa pertukaran peguam yang ditugaskan kepada tertuduh yang dibantu, Ketua Pembela Awam atau peguam yang baru ditugaskan hendaklah memfailkan di mahkamah yang mendengar prosiding itu suatu notis pertukaran peguam.

(6) Apabila perakuan pembelaan awam itu telah difailkan menurut subseksyen (3), tertuduh yang dibantu itu—

(a) hendaklah diberikan suatu salinan rekod nota hakim bagi prosiding jenayah tertuduh yang dibantu itu dengan percuma; dan

(b) tidak bertanggung untuk membayar apa-apa fi mahkamah.

Pembatalan perakuan pembelaan awam

58. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2) dan (3), Ketua Pembela Awam boleh membatalkan—

- (a) apa-apa perakuan pembelaan awam yang dikeluarkan di bawah seksyen 54, sama ada suatu permohonan telah dibuat bagi maksud itu atau tidak; dan
- (b) selepas mendapat kebenaran daripada Menteri, apa-apa perakuan pembelaan awam yang dikeluarkan di bawah seksyen 55.

(2) Ketua Pembela Awam atau mana-mana pegawai pembela awam hendaklah mengambil apa-apa tindakan yang munasabah atau perlu untuk mengeluarkan suatu notis pembatalan perakuan pembelaan awam kepada tertuduh yang dibantu.

(3) Notis pembatalan perakuan pembelaan awam yang dikeluarkan kepada tertuduh yang dibantu itu hendaklah berkuat kuasa dari tarikh tertuduh yang dibantu itu menerima notis tersebut.

(4) Sekiranya perakuan pembelaan awam yang dibatalkan telah difailkan di mana-mana mahkamah, Ketua Pembela Awam atau pegawai pembela awam hendaklah memfailkan di mahkamah itu suatu notis pembatalan perakuan pembelaan awam dan pembatalan itu hendaklah berkuat kuasa dari tarikh pemfailan notis itu di mahkamah.

(5) Mahkamah hendaklah, apabila menerima notis pembatalan di bawah subseksyen (4), memerintahkan semua prosiding jenayah yang belum selesai berhubung dengan tertuduh yang dibantu itu ditangguh—

- (a) bagi tempoh satu bulan; atau
- (b) bagi apa-apa tempoh lain selepas mengambil kira kepentingan keadilan pihak yang mungkin terkesan oleh perintah penangguhan itu.

(6) Seseorang itu hendaklah terhenti daripada menjadi tertuduh yang dibantu berkuat kuasa dari—

- (a) tarikh orang itu menerima notis pembatalan di bawah subseksyen (3); atau
- (b) tarikh pemfailan notis pembatalan di mahkamah di bawah subseksyen (4).

Pendahuluan bagi perbelanjaan luar jangka dalam prosiding jenayah

59. (1) Ketua Pembela Awam boleh meminta mana-mana pemohon atau tertuduh yang dibantu untuk mendahulukan sejumlah wang pada bila-bila masa yang difikirkan patut oleh Ketua Pembela Awam untuk didepositkan ke dalam akaun amanah bagi maksud pembayaran perbelanjaan luar jangka yang timbul secara khusus berhubung dengan penyediaan khidmat pembelaan awam di bawah Bahagian ini.

(2) Ketua Pembela Awam apabila meminta pendahuluan yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah memastikan permintaan itu tidak menyebabkan—

- (a) kesusahan yang tidak wajar kepada pemohon atau tertuduh yang dibantu itu; dan
- (b) semua hal perkara yang berbangkit berhubung dengan khidmat pembelaan awam itu digantung sementara menunggu pembayaran pendahuluan itu hingga boleh memudaratkan kepentingan pemohon atau tertuduh yang dibantu.

(3) Pendahuluan yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah hanya digunakan bagi maksud perbelanjaan luar jangka.

(4) Ketua Pembela Awam boleh meneruskan apa-apa tindakan atas perbelanjaan wang awam atau wang daripada akaun amanah demi kepentingan keadilan walaupun pemohon atau tertuduh yang dibantu itu gagal untuk mendahulukan sejumlah wang di bawah subseksyen (1).

(5) Jika terdapat apa-apa lebih pendahuluan dalam akaun tertuduh yang dibantu, tertuduh yang dibantu boleh, dalam tempoh enam bulan dari tarikh perakuan ditamatkan, memohon kepada Ketua Pembela Awam bagi lebih pendahuluan itu dikembalikan.

(6) Lebih pendahuluan yang perlu dikembalikan di bawah subseksyen (5) tidak boleh melebihi dua puluh lima peratus daripada pendahuluan yang merupakan kos kepeguaman yang telah dibayar menurut subseksyen (1).

(7) Tertuduh yang dibantu itu hendaklah disifatkan telah melepaskan haknya jika tertuduh yang dibantu itu tidak memohon bagi pembayaran balik lebih pendahuluan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (5).

Rayuan oleh tertuduh yang dibantu terhadap keputusan mahkamah

60. (1) Jika tertuduh yang dibantu tidak berpuas hati dengan mana-mana keputusan mahkamah dan ingin merayu terhadap keputusan mahkamah itu, tertuduh yang dibantu hendaklah memohon perakuan baharu bagi maksud rayuan tersebut.

(2) Permohonan bagi khidmat pembelaan awam di bawah subseksyen (1) hendaklah disifatkan sebagai suatu permohonan baharu bagi khidmat pembelaan awam.

(3) Seksyen 53, 54, 56, 57, 58 dan 59 hendaklah terpakai *mutatis mutandis* bagi permohonan untuk khidmat pembelaan awam di bawah seksyen ini.

(4) Rayuan yang disebut di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat dengan kelulusan Ketua Pembela Awam tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pembela Awam.

(5) Walau apa pun subseksyen (4), bagi maksud mematuhi kaedah-kaedah berkenaan dengan tempoh masa yang ditetapkan bagi pemfailan suatu rayuan, suatu notis rayuan boleh difailkan terlebih dahulu tanpa kelulusan Ketua Pembela Awam.

(6) Notis rayuan yang difailkan oleh tertuduh yang dibantu itu boleh diteruskan sendiri walaupun permohonannya untuk khidmat pembelaan awam tidak diluluskan oleh Ketua Pembela Awam.

Rayuan terhadap keputusan mahkamah oleh Pendakwa Raya

61. Jika Pendakwa Raya merayu terhadap mana-mana keputusan mahkamah, perakuan pembelaan awam yang dikeluarkan oleh Ketua Pembela Awam untuk manfaat tertuduh yang dibantu di bawah Akta ini hendaklah kekal berkuat kuasa sehingga semua hal perkara yang timbul daripada rayuan tersebut diselesaikan.

BAHAGIAN V

AM

Penggunaan perkhidmatan elektronik

62. (1) Walau apa pun apa-apa peruntukan lain Akta ini dan tertakluk pada peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, Ketua Pengarah boleh menyediakan suatu perkhidmatan elektronik kepada mana-mana pengguna berdaftar bagi—

- (a) pemfailan atau pengemukaan apa-apa permohonan bagi bantuan guaman atau khidmat pembelaan awam;
- (b) pemfailan atau pengemukaan apa-apa akuan berkanun, kertas kausa, penyelesaian atau persetujuan yang direkodkan, atau mana-mana dokumen lain;
- (c) pembayaran apa-apa fi, sumbangan, kos, caj dan apa-apa bayaran lain;
- (d) penyampaian apa-apa perakuan, notis, arahan, perintah, kertas kausa, resit atau apa-apa dokumen lain;
- (e) penugasan atau pertukaran peguam bagi maksud bantuan guaman dan khidmat pembelaan awam berhubung dengan mana-mana peruntukan di bawah Akta ini; dan
- (f) penyediaan khidmat nasihat guaman dan pengantaraan.

(2) Ketua Pengarah tidak bertanggung terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami oleh pengguna berdaftar itu atas sebab apa-apa kesilapan atau peninggalan tidak kira dengan apa jua sifat atau tidak kira bagaimana jua sekalipun yang timbul yang terdapat dalam perkhidmatan elektronik jika kesilapan atau peninggalan itu dibuat dengan suci hati dan dalam perjalanan biasa penunaian kewajipan Ketua Pengarah atau berlaku atau timbul akibat daripada apa-apa kecacatan atau kegagalan dalam perkhidmatan elektronik itu atau dalam kelengkapan yang digunakan bagi penyediaan perkhidmatan elektronik itu.

(3) Semua transaksi yang dibuat di bawah subseksyen (1) adalah disifatkan telah diberikan oleh seseorang kepada Ketua Pengarah pada tarikh pengakuteraan transaksi itu dihantar secara elektronik oleh Ketua Pengarah kepada orang itu.

Pernyataan palsu atau mengelirukan, dsb.

63. Seseorang yang dengan sengaja—

- (a) membuat apa-apa pernyataan atau representasi palsu atau mengelirukan dalam permohonan bagi bantuan guaman atau khidmat pembelaan awam;
- (b) tidak membuat penzahiran penuh tentang kemampuan kewangan individu itu; atau
- (c) tidak memaklumkan Ketua Pengarah tentang apa-apa perubahan kepada kemampuan atau keadaannya yang boleh menyebabkan dia tidak layak untuk bantuan guaman atau khidmat pembelaan awam di bawah Akta ini,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Perintah mahkamah bagi kos terhadap orang yang dibantu atau tertuduh yang dibantu

64. (1) Mahkamah boleh memerintahkan orang yang dibantu atau tertuduh yang dibantu itu untuk membayar kos kepada orang yang terjejas jika—

- (a) bantuan guaman yang disediakan kepada orang yang dibantu atau khidmat pembelaan awam yang disediakan kepada tertuduh yang dibantu telah diperolehi melalui fraud atau salah nyataan;
- (b) orang yang dibantu atau tertuduh yang dibantu telah berkelakuan atau melakukan apa-apa perbuatan yang boleh memprejudiskan kepentingan keadilan; atau
- (c) bagi prosiding sivil atau syariah, orang yang dibantu didapati telah menyalah guna proses mahkamah dalam tindakan atau pembelaan berkaitan prosiding itu.

(2) Jika suatu perintah dibuat di bawah subseksyen (1), kos itu hendaklah ditaksir seolah-olah pihak yang diperintahkan membayar kos itu bukan orang yang dibantu atau tertuduh yang dibantu dan kos itu bolehlah didepositkan ke dalam akaun amanah.

(3) Kos yang diperintahkan untuk dibayar itu, melainkan jika diarahkan selainnya oleh perintah itu, hendaklah termasuk—

- (a) fi yang disebut dalam perenggan 28(6)(a) dan (b) atau perenggan 57(6)(a) dan (b); dan
- (b) apa-apa wang yang telah dibelanjakan oleh Ketua Pengarah untuk membayar perbelanjaan luar jangka mengikut seksyen 30 atau 59.

(4) Jika perintah bagi kos di bawah subseksyen (1) terdiri daripada kos yang disebut dalam subseksyen (3) dan apa-apa kos yang lain, kos yang diterima oleh orang yang terjejas hendaklah terlebih dahulu dibelanjakan bagi pembayaran kos yang disebut dalam subseksyen (3).

(5) Selepas perintah bagi kos dibuat di bawah subseksyen (1), mahkamah boleh membenarkan orang yang dibantu atau tertuduh yang dibantu itu—

- (a) dalam prosiding jenayah, untuk meneruskan pembelaannya atas perbelanjaannya sendiri; atau
- (b) dalam prosiding sivil atau syariah, untuk menarik balik pliding atas apa-apa sebab yang dibenarkan mengikut kaedah-kaedah mahkamah.

(6) Bagi maksud subseksyen (1), “orang yang terjejas” ertinya Ketua Pengarah yang telah bertindak bagi orang yang dibantu, Ketua Pembela Awam yang telah bertindak bagi tertuduh yang dibantu, seorang peguam yang ditugaskan untuk bertindak bagi orang yang dibantu atau tertuduh yang dibantu itu atau orang yang telah dijadikan sebagai pihak satu lagi dalam apa-apa prosiding dalam mana-mana mahkamah.

Komunikasi terlindung

65. (1) Semua komunikasi antara—

- (a) seseorang pemohon bagi bantuan guaman atau khidmat pembelaan awam dengan Ketua Pengarah atau Ketua Pembela Awam; atau
- (b) seseorang yang dibantu atau tertuduh yang dibantu dengan Ketua Pengarah, Ketua Pembela Awam, pegawai yang dilantik, pegawai pembela awam, peguam yang ditugaskan atau pengantara,

adalah terlindung sehingga takat yang sama sebagaimana komunikasi antara seseorang peguam dengan anak guamnya.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), komunikasi terlindung itu hendaklah tidak meliputi apa-apa maklumat yang disediakan kepada Ketua Pengarah berkenaan dengan harta atau pendapatan pemohon yang dikehendaki bagi maksud siasatan di bawah seksyen 22, dan pengeluaran apa-apa perakuan bantuan guaman di bawah seksyen 23, 24, 25 dan 26 dan pengeluaran apa-apa perakuan pembelaan awam di bawah seksyen 54 dan 55.

Kewajipan untuk mengelak percanggahan kepentingan

66. (1) Ketua Pengarah atau pegawai yang dilantik tidak boleh mewakili kedua-dua pihak dalam prosiding sivil atau syariah yang sama.

(2) Dalam hal keadaan orang yang dibantu yang berlainan terlibat dalam prosiding sivil atau syariah yang sama, Ketua Pengarah hendaklah menugaskan peguam yang berlainan daripada panel peguam untuk mengendalikan prosiding sivil atau syariah itu secara bebas dan berkecuali demi kepentingan keadilan bagi kedua-dua pihak.

(3) Seseorang peguam yang ditugaskan dan firma guamannya tidak boleh mewakili—

(a) kedua-dua tertuduh yang dibantu dan mangsa jenayah yang dikatakan dilakukan oleh tertuduh yang dibantu dalam prosiding jenayah yang sama; atau

(b) kedua-dua tertuduh yang dibantu dan mangsa jenayah yang dikatakan dilakukan oleh tertuduh yang dibantu, jika tertuduh yang dibantu itu merupakan subjek kepada apa-apa prosiding sivil yang dibawa oleh mangsa itu terhadapnya.

(4) Sekiranya situasi yang disebut dalam subseksyen (3) timbul, seseorang peguam yang ditugaskan hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik, memaklumkan kepada Ketua Pengarah atau Ketua Pembela Awam mengenai fakta itu.

Keputusan muktamad

67. Apa-apa keputusan yang dibuat oleh Ketua Pengarah atau Ketua Pembela Awam—

(a) untuk memberikan atau enggan memberikan bantuan guaman di bawah Bahagian III atau khidmat pembelaan awam di bawah Bahagian IV kepada mana-mana pemohon;

(b) untuk membatalkan perakuan bantuan guaman, menamatkan khidmat pendamping guaman atau membatalkan perakuan pembelaan awam; atau

- (c) untuk menolak permohonan bagi bantuan guaman atau khidmat pembelaan awam untuk merayu terhadap keputusan mahkamah di bawah seksyen 33 atau 60 masing-masing kepada orang yang dibantu atau tertuduh yang dibantu,

boleh dirayu kepada Menteri dan Menteri boleh mengesahkan, mengakas atau mengubah apa-apa keputusan Ketua Pengarah atau Ketua Pembela Awam dan keputusan Menteri adalah muktamad.

Pekhidmat awam

68. Ketua Pengarah, Ketua Pembela Awam, peguam yang ditugaskan, pegawai yang dilantik, pegawai pembela awam atau pengantara, yang bukan anggota perkhidmatan awam, semasa menjalankan tugasnya di bawah Akta ini hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan.

Pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948

69. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Ketua Pengarah, Ketua Pembela Awam, peguam yang ditugaskan, pegawai yang dilantik, pegawai pembela awam dan pengantara, yang bukan anggota perkhidmatan awam, berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya dengan suci hati atau apa-apa peninggalan olehnya dengan suci hati, atas sifat yang sedemikian.

Perlindungan terhadap guaman dan prosiding undang-undang

70. Tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding lain boleh dibawa, dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah terhadap Menteri, Ketua Pengarah, Ketua Pembela Awam, peguam yang ditugaskan, pegawai yang dilantik, pegawai pembela awam dan pengantara atas sebab atau yang berkenaan dengan apa-apa perbuatan, kecuaiian atau keingkaran yang dilakukan atau ditinggalkan olehnya dalam masa menjalankan kewajipannya di bawah Akta ini melainkan jika boleh dibuktikan bahawa perbuatan, kecuaiian atau keingkaran telah dilakukan atau ditinggalkan dengan niat jahat dan tanpa sebab yang munasabah.

Kuasa untuk menggantung

71. (1) Walau apa pun peruntukan Akta ini, Menteri boleh, selepas berunding dengan Menteri Kewangan, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menggantung mana-mana bantuan guaman atau khidmat pembelaan awam yang diperuntukkan di bawah Akta ini untuk suatu tempoh yang munasabah atas dasar kepentingan awam.

(2) Apa-apa penggantungan bantuan guaman atau khidmat pembelaan awam yang dibuat oleh Menteri di bawah seksyen ini tidak boleh memberi kesan ke atas perakuan bantuan guaman atau perakuan pembelaan awam yang telah dikeluarkan di bawah Akta ini sebelum penggantungan itu dan semua perkara yang berbangkit menurut keperluan perakuan itu hendaklah diteruskan oleh Ketua Pengarah hingga selesai setakat mana bantuan guaman atau khidmat pembelaan awam itu tidak terkesan dengan perintah penggantungan itu.

Kuasa untuk meminda Jadual

72. (1) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual kepada Akta ini.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Menteri boleh, selepas berunding dengan Peguam Negara, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual Kelima untuk membataskan khidmat pembelaan awam demi kepentingan keadilan.

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

73. (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan yang perlu atau suai manfaat bagi maksud pelaksanaan peruntukan Akta ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), Menteri boleh membuat peraturan-peraturan—

- (a) untuk menetapkan semua perkara yang berhubungan dengan penyediaan bantuan guaman dan khidmat pembelaan awam;
- (b) untuk menetapkan semua fi, caj, kos, sumbangan, pendahuluan atau apa-apa pembayaran yang kena dibayar di bawah Akta ini;

- (c) untuk menetapkan semua perkara yang berhubungan dengan mendapatkan semula wang yang kena dibayar berkenaan dengan bantuan guaman dan khidmat pembelaan awam;
- (d) untuk menetapkan apa-apa peruntukan yang perlu bagi hal keadaan khas jika—
 - (i) seseorang meminta bantuan guaman dan khidmat pembelaan awam dalam sesuatu perkara yang perlu disegerakan oleh sebab yang khas;
 - (ii) seseorang mula menerima bantuan guaman dan khidmat pembelaan awam selepas berunding dengan seseorang peguam secara biasa berkenaan dengan perkara itu, atau berhenti daripada menerima bantuan guaman dan khidmat pembelaan awam sebelum perkara yang berkenaan itu diselesaikan dengan muktamad; dan
 - (iii) terdapat apa-apa perubahan hal keadaan yang berkaitan dalam masa seseorang menerima bantuan guaman dan khidmat pembelaan awam;
- (e) untuk menetapkan apa-apa perkara lain yang dikehendaki untuk ditetapkan di bawah Akta ini.

BAHAGIAN VI

PEMANSUHAN, KECUALIAN DAN PERALIHAN

Pemansuhan

74. Akta Bantuan Guaman 1971 [*Akta 26*] dimansuhkan.

Orang yang memegang jawatan, dsb.

75. (1) Orang yang memegang jawatan sebagai Ketua Pengarah Bantuan Guaman di bawah Akta yang dimansuhkan hendaklah disifatkan telah dilantik di bawah Akta ini dan hendaklah terus memegang jawatan melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan jawatannya atau ditukarkan kepada suatu jawatan lain dalam perkhidmatan awam am Persekutuan.

(2) Semua pegawai dan kakitangan yang memegang pelantikan di bawah Akta yang dimansuhkan hendaklah disifatkan sebagai pegawai dan kakitangan yang dilantik di bawah Akta ini dan hendaklah terus memegang jawatan melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan jawatannya atau ditukarkan kepada suatu jawatan lain dalam perkhidmatan awam am Persekutuan dan hendaklah memegang suatu jawatan sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

Pemindahan kuasa, hak, kewajipan, dsb.

76. Semua kuasa, hak, kewajipan, liabiliti dan obligasi yang sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini adalah kuasa, hak, kewajipan, liabiliti dan obligasi Ketua Pengarah Bantuan Guaman dan pegawai yang dilantik yang terdahulu di bawah Akta yang dimansuhkan hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, diturunkan kepada Ketua Pengarah dan pegawai yang dilantik di bawah Akta ini.

Pemindahan wang dalam akaun amanah

77. Semua wang yang ada pada dan kena dibayar kepada akaun amanah yang diwujudkan dan disenggarakan oleh Ketua Pengarah Bantuan Guaman yang terdahulu di bawah Akta yang dimansuhkan hendaklah pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini dipindahkan kepada dan disifatkan sebahagian daripada akaun amanah yang diwujudkan dan disenggarakan oleh Ketua Pengarah di bawah Akta ini.

Sumbangan, dsb.

78. Semua sumbangan dan bayaran pendahuluan bagi perbelanjaan luar jangka yang dibayar kepada Ketua Pengarah Bantuan Guaman sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini, hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, disifatkan telah dibayar di bawah Akta ini dan diuruskan di bawah Akta ini.

Permohonan untuk bantuan guaman

79. Apa-apa permohonan bagi bantuan guaman di bawah Akta yang dimansuhkan sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, hendaklah diuruskan di bawah Akta ini.

Penerusan bantuan guaman

80. Semua bantuan guaman yang diberikan sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini di bawah Akta yang dimansuhkan, hendaklah terus diberikan di bawah Akta ini.

Penerusan perakuan bantuan guaman

81. (1) Semua perakuan bantuan guaman yang dikeluarkan di bawah Akta yang dimansuhkan sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, tertakluk kepada terma, syarat, batasan dan tempoh kesahan yang dinyatakan dalam perakuan itu, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, terus berkuat kuasa dan boleh dikuatkuasakan sehingga perakuan itu dibatalkan.

(2) Ketua Pengarah boleh meminda, memperbaharui atau membatalkan perakuan yang disebut dalam subseksyen (1) mengikut peruntukan Akta ini.

Penerusan panel peguam

82. (1) Semua penugasan panel peguam di bawah Akta yang dimansuhkan sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, disifatkan telah ditugaskan di bawah Akta ini.

(2) Ketua Pengarah boleh memperbaharui atau membatalkan penugasan peguam yang disebut dalam subseksyen (1) mengikut peruntukan Akta ini.

Penerusan keputusan, dsb.

83. Semua keputusan, arahan dan notis yang dibuat atau dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Bantuan Guaman atau Menteri di bawah Akta yang dimansuhkan hendaklah, setakat yang keputusan, arahan dan notis itu selaras dengan Akta ini, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, terus berkuat kuasa sehingga keputusan, arahan dan notis itu dibatalkan atau dipinda.

JADUAL PERTAMA

[Seksyen 16]

PERIHAL HAL PERKARA YANG BERKENAAN DENGANNYA
NASIHAT GUAMAN BOLEH DIBERIKAN

Nasihah guaman atas segala hal perkara perundangan berhubung dengan undang-undang Malaysia.

JADUAL KEDUA

[Seksyen 20]

PERIHAL PROSIDING SIVIL DAN SYARIAH YANG BERKENAAN
DENGANNYA KHIDMAT BANTUAN GUAMAN BOLEH DISEDIAKAN

Bahagian I

Prosiding dalam Mahkamah Sivil

(1) No.	(2) Prosiding
1.	Prosiding di bawah Akta Perempuan Bersuami dan Anak-Anak (Nafkah) 1950 [<i>Akta 263</i>]
2.	Prosiding di bawah Ordinan Nafkah 1959 [<i>Sabah No. 7 tahun 1959</i>]
3.	Prosiding di bawah Akta Perempuan Bersuami dan Anak-Anak (Penguatkuasaan Nafkah) 1968 [<i>Akta 794</i>]
4.	Prosiding di bawah Ordinan Perkahwinan Adat Bumiputera Sarawak (Nafkah) 2003 [<i>Bab 55</i>]
5.	Prosiding di bawah Akta Perintah Nafkah (Kemudahan bagi Penguatkuasaan) 1949 [<i>Akta 34</i>] untuk perintah sementara
6.	Prosiding yang berhubungan dengan hak dan tanggungan berkenaan dengan perceraian dan jagaan
7.	Prosiding yang berhubungan dengan hak dan tanggungan di bawah Akta Pengangkatan 1952 [<i>Akta 257</i>]
8.	Prosiding yang berhubungan dengan hak dan tanggungan di bawah Ordinan Pengangkatan 1960 [<i>Sabah No. 23 tahun 1960</i>]
9.	Prosiding di bawah Ordinan Pengangkatan Sarawak [<i>Bab 91</i>]

(1) No.	(2) Prosiding
10.	Prosiding yang berhubungan dengan hak dan tanggungan di bawah Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [<i>Akta 98</i>]
11.	Permohonan Probet dan Surat Mentadbir Pusaka
12.	Prosiding yang berhubungan dengan hak dan tanggungan di bawah Ordinan Probet dan Pentadbiran 1947 Sabah [<i>Bab 109</i>]
13.	Prosiding yang berhubungan dengan hak dan tanggungan di bawah Ordinan Pentadbiran Harta Pusaka Sarawak [<i>Bab 80</i>]
14.	Prosiding yang berhubungan dengan hak dan tanggungan di bawah Akta Penanam Padi (Pengawalan Sewa dan Jaminan Pemegangan) 1967 [<i>Akta 793</i>]
15.	Prosiding yang berhubungan dengan hak dan tanggungan berkenaan dengan tindakan sivil bagi ganti rugi yang timbul daripada kemalangan yang melibatkan kenderaan bermotor yang termasuk dalam pengertian Akta Pengangkutan Jalan 1987 [<i>Akta 333</i>]
16.	Prosiding yang berhubungan dengan hak dan tanggungan di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [<i>Akta 400</i>]
17.	Prosiding yang berhubungan dengan hak dan tanggungan berkenaan dengan prosiding yang berhubungan dengan penyewaan
18.	Prosiding yang berhubungan dengan hak dan tanggungan di bawah Akta Sewa Beli 1967 [<i>Akta 212</i>]
19.	Tuntutan pengguna termasuklah— <p data-bbox="322 1150 1072 1210">(a) perkara yang berhubungan dengan penguatkuasaan award Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia; dan</p> <p data-bbox="322 1226 1072 1287">(b) prosiding semakan kehakiman yang menamakan pengguna sebagai responden dalam tindakan guaman itu</p>
20.	Permohonan bagi suatu perintah anggapan kematian
21.	Prosiding di bawah Akta Penjagaan Budak 1961 [<i>Akta 351</i>]
22.	Prosiding di bawah Ordinan Penjagaan Kanak-Kanak Sarawak [<i>Bab 93</i>]
23.	Prosiding di bawah Ordinan Penjagaan Kanak-Kanak Sabah [<i>Bab 54</i>]
24.	Semakan kehakiman atau rayuan ke atas suatu keputusan yang dibuat berhubung dengan undang-undang perburuhan dan perhubungan industri yang menamakan pekerja sebagai responden oleh majikan atau bekas majikannya dalam tindakan guaman itu

Bahagian II

Prosiding dalam Mahkamah Syariah

(1) No.	(2) Prosiding
1.	Prosiding yang berhubungan dengan pertunangan (ganti rugi), wali hakim, nafkah, jagaan, perceraian, <i>ruju'</i> , hutang perkahwinan, <i>muta'ah</i> dan harta sepencarian, harta <i>dom</i> (harta bawaan) , termasuk prosiding yang berhubungan dengan penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah bagi prosiding-prosiding tersebut
2.	Prosiding yang berhubungan dengan alang semasa hidup (<i>hibah</i>) dan wasiat
3.	Permohonan bagi anggapan kematian bagi pembubaran perkahwinan
4.	Permohonan bagi pengesahan <i>nasab</i> anak
5.	Permohonan bagi pengesahan nikah

Nota: Bagi maksud Jadual ini, apa-apa perkataan dan ungkapan dalam bahasa Arab, hendaklah disifatkan mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah apa-apa Akta Persekutuan atau Enakmen Negeri yang berkenaan.

JADUAL KETIGA

[Seksyen 36]

PERIHAL KESALAHAN YANG BERKENAAN DENGANNYA
KHIDMAT PENDAMPING GUAMAN BOLEH DISEDIAKAN

Semua kesalahan terhadap kanak-kanak yang diperuntukkan dalam mana-mana undang-undang bertulis

JADUAL KEEMPAT

[Seksyen 52]

PERIHAL PROSIDING JENAYAH YANG BERKENAAN DENGANNYA
KHIDMAT PEMBELAAN AWAM BOLEH DISEDIAKAN

(1) No.	(2) Prosiding
1.	Semua prosiding jenayah yang dalamnya tertuduh dan kanak-kanak yang dipertuduh atas mana-mana kesalahan tidak diwakili oleh peguam
2.	Semua prosiding jenayah terhadap orang kurang upaya warganegara Malaysia dan kanak-kanak orang kurang upaya bukan warganegara tertakluk kepada syarat-syarat tertentu

(1) No.	(2) Prosiding
3.	Semua prosiding jenayah di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955 [<i>Akta 336</i>]
4.	Semua prosiding jenayah terhadap kanak-kanak di Mahkamah Bagi Kanak-Kanak di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 [<i>Akta 611</i>] tanpa mengira kerakyatan atau kewarganegaraan
5.	Semua permohonan di bawah seksyen 117 Kanun Tatacara Jenayah [<i>Akta 593</i>] bagi maksud penyiasaan lanjut

JADUAL KELIMA

[Seksyen 56]

PERIHAL PROSIDING JENAYAH YANG BERKENAAN DENGANNYA
KHIDMAT PEMBELAAN AWAM TIDAK BOLEH DISEDIAKAN

(1) No.	(2) Prosiding
1.	Pertuduhan bagi kesalahan jenayah yang boleh dihukum dengan hukuman mati atau pemenjaraan seumur hidup
2.	Pertuduhan bagi kesalahan jenayah di bawah Bab VI, VIA dan VIB Kanun Keseksaan [<i>Akta 574</i>] kecuali bagi pesalah kanak-kanak
3.	Pertuduhan bagi kesalahan jenayah yang melibatkan mangsa kanak-kanak